

11/12/2003

Zahari kesan bakat saya: Siti Raihani

Hassan Omar

SITI Raihani Mohamed Saaid (gambar), mewarisi bakat ibunya, Siti Zurinah Hassan dan antara bakat muda dalam dunia penulisan air yang mula mencipta nama dan kini melanjutkan pengajian dalam bidang Seni Persembahan di Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya (UM). Ikuti wawancara wartawan Sastera dan Budaya, HASSAN OMAR, dengan beliau.

MELIHAT pembabitan Raihani dalam dunia penulisan, saya percaya Raihani memang sudah lama menulis. Betulkah?

Saya mula menulis ketika masih menuntut di Sekolah Menengah Sultan Salahuddin, Shah Alam dan karya dikirimkan kepada Watan dan Berita Minggu. Saya bermula dengan puisi dan disusuli cerpen. Saya muncul pelajar terbaik Akademi Seni Kebangsaan (ASK) 2001.

Raihani mengkhusus dalam bidang apa ketika di ASK?

Tak ada pengkhususan. Saya belajar menulis lirik, kritikan teater, tari, muzik tetapi bila hampir tamat pengajian, modul berubah dan belajar menulis lakon layar. Lakon layar membabitkan penulisan skrip televisyen, filem, dokumentari dan iklan. Projek akhir saya ialah kajian filem P Ramlee. Ketika di ASK, saya banyak menulis kritikan dan cerpen. Penulisan puisi semakin berkurangan kerana orientasi pemikiran sudah berubah. Dua kali saya menyertai pertandingan menulis skrip anjuran Finas dan dipilih sebagai pemenang. Tahun pertama, skrip filem pendek dan tahun kedua, skrip drama televisyen.

Bagaimana dengan penulisan novel?

Saya pernah menulis satu bab novel dan kemudian membuat kesimpulan saya tidak berbakat dalam genre berkenaan. Ketika menulis novel itu saya terpengaruh dengan Harry Potter. Sejak kebelakangan ini, saya lebih banyak membaca novel Inggeris kerana untuk saya ia lebih mudah difahami. Novel Melayu kadang-kadang terlalu bermain dengan konteks, teori dan tak menghiburkan. Teknik pengolahan dalam Harry Potter begitu jelas.

Selepas ASK, Raihani ke mana?

Ini yang seronoknya. Saya kahwin. Saya konvo pada 2001. Anak saya setahun, saya melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Seni Persembahan di Universiti Malaya (UM).

Apakah tema yang sering Raihani terapkan dalam kebanyakan puisi atau cerpen Raihani?

Ketika belajar saya lebih suka menulis perkara sekeliling kita. Tiada kisah cinta. Saya menulis sajak mengenai perjuangan seorang budak perempuan yang menyertai pancaragam. Saya turut menulis Taming Sari dan puisi ini tersiar dalam Dewan Siswa.

Adakah Raihani pernah mendapat bantuan daripada ibu?

Ramai yang bertanya mengenai perkara itu. Saya tidak nafikan pengaruh daripada emak. Setiap hari saya melihat apa yang emak lakukan. Setiap bahan bacaan emak, turut menjadi bacaan saya. Sebelum ke sekolah menengah, saya sudah membaca Sejarah Melayu, Hikayat Malim Deman dan Hikayat Malim Dewa. Bagaimanapun bukan emak mengajar saya menulis secara formal. Orang yang bertanggungjawab membawa saya dalam dunia penulisan ialah Zahari Hasib.

Bagaimana Raihani boleh mengenali Zahari Hasib? Saya mengikuti kursus penulisan Persatuan Kebajikan dan Penulis Muda Selangor (Kemudi). Zainal Rashid Ahmad dan Zahari Hasib menjadi pembimbing bengkel terbabit. Zahari menyarankan saya menulis sajak. Saya menghantar sebuah sajak dan beliau minta saya mengirimbkannya kepada Gabungan Persatuan Penulis Nasional

(Gapena). Kebetulan Gapena menganjurkan Pertandingan Menulis Puisi Kebangsaan dan sajak itu kini menjadi teks wajib sayembara. Tajuknya Istana Kemerdekaan.

Selepas Raihani memenangi peraduan itu, apakah emak memberikan galakan?

Memang emak memberi galakan. Serentak itu apabila ada yang bertanya, emak akan jawab bukan beliau yang menulis untuk saya. Emak berbuat demikian kerana ada orang mempertikaikan sajak saya. Setiap kali memang peraduan, pasti kedengaran suara `emak saya yang menolong`.

Raihani pasti sudah mengetahui banyak aspek seni persembahan ketika di ASK. Mengapa masih mengambil kursus Seni Persembahan di UM?

Sebenarnya saya memohon untuk melanjutkan pelajaran ke Jabatan Pengajian Media UM tetapi ditawarkan kursus Seni Persembahan.

Sekarang ini, Raihani paling banyak terbabit dalam genre apa?

Saya sekarang banyak menulis esei, terutama untuk majalah `Eh.` Tahun ini saja sudah tiga kali esei saya disiarkan. Kadang-kadang saya menulis esei untuk akhbar.

Raihani pernah memberi ucapan di hadapan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengenai pentingnya Sains dan Matematik diajar dalam bahasa Inggeris. Tidakkah ini satu pencapaian yang besar?

Saya memang melihatnya sebagai pencapaian yang besar. Sebenarnya ketika itu saya panel satu rancangan di Bukit Jalil dan saya beri ucapan yang disiarkan secara langsung. Saya juga seronok dengan enam anugerah yang pernah saya menangi. Hadiah Puisi Kebangsaan Esso-Gapena II tahun 1995, Hadiah Cerpen Esso-Gapena Ke-10 (1997) (kategori penulis muda), Hadiah Sastera Siswa Bank Rakyat kategori cerpen (1997). Saya turut memenangi Hadiah Sastera Siswa 1998 (kategori puisi), Hadiah Peraduan Menulis Skrip Filem Pendek 2001 dan Peraduan Menulis Skrip Finas (kategori telemovie) (2002). Sebuah cerpen saya diterjemahkan ke bahasa Inggeris dan dimuatkan dalam Malay Literature Volume 13.

Ramai mengatakan Raihani sudah tidak menulis lagi. Benarkah?

Sebenarnya, karya kalau tidak tersiar, bukan bermakna saya tidak menulis lagi. Tahun ini, satu sajak saya disiarkan dalam Dewan Sastera dan rencana dalam majalah `Eh.` Saya menulis animasi 13 episod. Saya masih berkarya.

Raihani masih aktif dalam kegiatan teater sebagaimana ketika menuntut di ASK dulu?

Sekarang ini, saya banyak terbabit dalam kerja produksi. Bergiat dalam teater untuk untuk peperiksaan. Saya lebih suka menghasilkan drama televisyen atau filem kerana ia boleh dipotong dan kita bermain dengan waktu.

Apa yang Raihani harapkan dalam bidang penulisan?

Saya mahu berkhidmat sebagai pensyarah seni persembahan dan kritikan.